

Travelog

JPS WP KUALA LUMPUR



“WATERWAYS IN OUR COMMUNITIES”

E-BULETIN : 2022

KATA-KATA ALUAN

PENGARAH JPS WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR HAJI MOHD AZMIN BIN HUSSIN, BCN



SIDANG REDAKSI

PENASIHAT



HAJI MOHD. AZMIN, BCN
KETUA EDITOR



IR. FARIYAH

EDITOR & PEREKA GRAFIK



FIRDAUS

AHLI JAWATANKUASA



MARG ■ SYIFA ■ MEGAT ■ ZUL

JURU GAMBAR



NOOR IBRAHIM

PENERBIT

Bahagian Korporat, Kualiti Dan ICT,
JPS Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur,
Jalan Sultan Salahuddin,
50626 Kuala Lumpur
Tel : 03-26981711 Faks : 03-26932285

Assalamualaikum, salam sejahtera dan salam 1 Malaysia

Bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, JPS Kuala Lumpur telah berjaya menerbitkan Travelog JPS WP Kuala Lumpur buat pertama kalinya.

Tujuan utama penghasilan Travelog JPS WP Kuala Lumpur adalah sebagai satu medium perkongsian dan penyebaran maklumat tentang aktiviti dan projek-projek penting yang dilaksanakan oleh JPS Kuala Lumpur. Program-program yang dijalankan memberi fokus kepada keperluan pelanggan dengan objektif utama untuk meningkatkan kualiti hidup penduduk bandaraya dan menjadikan Kuala Lumpur sebagai ibu negara dan pusat pertumbuhan ekonomi berdaya maju.

Akhir kata, Travelog JPS WP Kuala Lumpur ini juga memaparkan kepelbagaian usaha-usaha dan aktiviti yang telah dijalankan oleh warga JPS Kuala Lumpur. Aktiviti-aktiviti ini menjurus ke arah usaha penambahbaikan secara berterusan untuk meningkatkan mutu perkhidmatan Jabatan dan juga warganya. Ini adalah untuk memastikan pelaksanaan tugas yang diamanahkan sentiasa mencapai tahap cemerlang selaras dengan Dasar Kualiti JPS.

Sebelum mengundur diri, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua ahli Jawatankuasa dan kakitangan yang telah menyumbangkan artikel, idea dan tenaga dalam menghasilkan buletin ini. Komen anda semua dialu-alukan bagi membolehkan penambahbaikan dibuat untuk keluaran akan datang. Saya berharap buletin ini dapat diterbitkan setiap tahun.



Ihya' Ramadhan 1443H/2022M

Sabda Rasulullah S.A.W :

“Barangsiapa yang mendirikan Ramadhan dengan penuh keimanan dan mengharapkan pahala daripada Allah, maka akan diampunkan segala dosa-dosanya yang telah lalu”.



Sempena menyambut bulan Ramadan, JPS WPKL telah mengadakan Program Ihya' Ramadhan pada 27 April 2022 bagi mengisi dan menghayati bulan yang mulia ini dengan aktiviti yang mendidik jiwa. Program ini dimulakan dengan sesi pengisian jiwa oleh Ustaz Khairul Anuar bin Khalid dengan tajuk ceramah Ramadan : Bulan Ibadah. Sempena keberkatan dan kesucian bulan Ramadan juga satu Majlis Khatam Al-Quran diadakan di Bilik Mesyuarat Utama JPS WPKL. Bagi mengerat silaturrahim antara semua warga JPS, penyediaan bubur lambuk secara gotong-royong diadakan dan diedarkan kepada semua warga JPS WPKL, Pusat Kawalan SMART dan Pejabat Lembaga Sungai Klang.



KELAB SUKAN, KEBAJIKAN DAN REKREASI JPSWPKL

Oleh : Bahagian Korporat, Kualiti dan ICT

PADA 30 MAC, RABU telah diadakan Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) dan Majlis Sulaman Kasih Sanjungan Budi tahun 2022 di Ballroom A Double Tree, Hilton Hotel Kuala Lumpur. Majlis Sulaman Kasih Sanjungan Budi 2022 diadakan bagi menyampaikan sijil penghargaan dan cenderahati kepada AJK KEJAPS 2020/2021 dan penyampaian sumbangan kebajikan kepada ahli KEJAPS yang layak. MSKSB 2022 turut meraikan ahli yang bertukar sepanjang tahun 2021, ahli yang bersara, ahli yang melangsungkan perkahwinan, ahli yang menyambut kelahiran anak, ahli yang masuk wad, ahli yang kehilangan saudara terdekat, ahli dan ahli keluarga yang cemerlang dalam akademik serta sumbangan khas atas kecemerlangan sukan dan juga derma kilat kepada salah seorang ahli. Sebanyak 25 cabutan bertuah telah disediakan.

LAWATAN DARI JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR KE PUSAT KAWALAN SMART, JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR (PKS, JPS WPKL)

Oleh : Pusat Kawalan SMART



Pusat Kawalan SMART telah menerima lawatan daripada Jawatankuasa Pilihan Khas Pembangunan Infrastruktur yang diketuai oleh Yang Berhormat Tuan Haji Yusuf bin Abd Wahab, (Ahli Parlimen Tanjong Manis) selaku Pengerusi dengan diiringi bersama Yang Berhormat Tuan Sabri bin Azit (Ahli Parlimen Jerai), Yang Berhormat Tuan Chang Lih Kang (Ahli Parlimen Tanjong Malim), Yang Berhormat Tuan Noor Amin bin Ahmad (Ahli Parlimen Kangar), Yang Berhormat Tuan Oscar Ling Chai Yew (Ahli Parlimen Sibul) dan Yang Berhormat Puan Noorita binti Sual (Ahli Parlimen Tenom).

Tujuan lawatan ini adalah untuk membincangkan mengenai isu-isu semasa berkaitan banjir dan projek-projek infrastruktur bagi pengurusan banjir. Lawatan ini turut disantuni oleh Yang Bahagia Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang, Ketua Setiausaha, Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA), Yang Bahagia Dato' Ir. Dr. Md. Nasir bin Md. Noh, Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) bersama pegawai-pegawai dari KASA dan JPS.



Taklimat ringkas berkenaan pengoperasian dan Program Rejuvenasi /Permerkasaan SMART telah disampaikan oleh Yang Bahagia Dato' Ir. Dr. Md. Nasir Bin Md. Noh dan Ts. Ahmad Shahrir bin Md Naziri, Pengarah Operasi Pusat Kawalan SMART JPS WPKL.

PROGRAM KUTIP SAMPAH SAMBIL RIADAH (KUDAH)

Oleh : Bahagian Pengurusan Sungai dan Saliran



Aktiviti pertama KUDAH dan aktiviti gotong royong membersihkan kawasan ramp JPSKL di tepi Sungai Penchala telah dilaksanakan di kawasan Dataran Sungai Penchala, Taman Rimba Bukit Kiara, TTDI pada 18 Februari 2022 dan telah dilancarkan oleh Ir. Ratnarajah Sivapiragasam iaitu Timbalan Pengarah JPSKL.

Seramai 20 kakitangan telah menyertai aktiviti ini dan sebanyak 142kg sampah dan daun-daun telah berjaya dibersihkan. Semoga usaha ini dapat diteruskan seperti dirancang.



Bengkel 'Hands-On' Sistem MyRiver

Oleh : Bahagian Pengurusan Sungai dan Saliran

JPS WPKL telah menganjurkan Bengkel 'Hands-On' Sistem MyRiver pada 1 hingga 2 Mac 2022 di i-KPKT, Berjaya Hills, Bukit Tinggi, Pahang. Sebanyak 15 orang warga JPS WPKL telah hadir termasuk wakil dari pejabat PLSK dan SMART.

Bengkel ini telah dikendalikan oleh En Daniel Liew Yu Chuan (secara online) dan dibantu oleh Pn. Nur Hidayah Binti Mat Noor dari Bahagian Pengurusan Lembangan Sungai, JPS Malaysia.

Program Sambutan Hari Air Sedunia (HAS)

Oleh : Bahagian Pembangunan

26 Mac 2022 : Program Sambutan Hari Air Sedunia (HAS) 2022 Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang telah dirasmikan oleh Tn Hj Mohd Azmin Bin Hussin, Pengarah JPS WPKL bertempat di Kolam Takungan Banjir Boyan, Sungai Bunus, Kuala Lumpur.

Sambutan tahun ini bertemakan Melestarikan Sumber Air (Memanfaatkan Air Bawah Tanah) yang melibatkan lebih kurang 100 orang peserta.



Tahniah & Syabas di atas Kenaikan Pangkat

Oleh : Bahagian Korporat, Kualiti dan ICT

Majlis Perpisahan Ir. Ratna Rajah Sivapiragasam telah diadakan pada 10 Mac 2022. Beliau telah berkhidmat selama 3 tahun (2019-2022) di JPS WPKL. Pertukaran ini adalah kerana kenaikan pangkat ke jawatan Pengarah Jusa C di Pusat Serantau Tropika Lembap (HTC). Terima kasih di atas jasa dan khidmat beliau sepanjang bertugas di JPS WPKL. Semoga beliau meneruskan khidmat beliau di tempat baru dengan cemerlang.



Kunjungan Hormat ke Pejabat Ketua Setiausaha, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP)

Oleh : Bahagian Korporat, Kualiti dan ICT

Pada 8 April 2022 Pengarah Pengairan dan Saliran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah mengadakan Kunjungan Hormat ke Pejabat Ketua Setiausaha, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), YBhg. Datuk Seri Hajah Rosidah bin Jaafar. Kunjungan Hormat tersebut adalah untuk memperkenalkan Pengarah JPS WPKL yang baru serta menjalin hubungan kerjasama yang baik di antara JPS dan KWP. Turut hadir sama adalah Tn Hj. Zul b. Mohammad (Pengarah Operasi Pejabat Lembangan Sungai Klang), Ir. Ts. Ahmad Shahrir b. Md. Naziri (Pengarah Operasi Pusat Kawalan SMART) dan En. Azril Hafiz b. Ab Rahim (Pengarah Pengairan dan Saliran WP Putrajaya).

Manakala daripada pihak KWP di hadiri oleh YBhg. Datuk Nor Muhamad bin Che Dan (Setiausaha Bahagian, Bhg. Pengurusan Pembangunan), En Wan Ashbi bin Lemam (Setiausaha Bahagian, Bhg. Perbandaran dan Khidmat Teknikal), Dr Khairul Nizam bin Othman (Timbalan Setiausaha Bahagian, Bhg Perbandaran & Khidmat Teknikal) dan TPr Mohd Fahmi bin Said (Pegawai Khas KSU).





MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI JPSWPKL TAHUN 2022


Oleh : Bahagian Korporat, Kualiti dan ICT



Jabatan Pengairan dan Saliran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JPSWPKL) telah meraikan sambutan Hari Raya Aidilfitri Tahun 2022 pada 26 April 2022 bersamaan 24 Ramadhan 1443 Hijrah. Sambutan Hari Raya disambut bersama-sama warga JPSWPKL ini bukan sahaja untuk meraikan Hari Raya, tetapi ia juga dapat mengeratkan hubungan silaturrahim sesama warga JPSWPKL.

Dalam kerendahan hati ada ketinggian budi, dalam kemiskinan harta ada kekayaan jiwa, dalam kelembutan lidah ada keterlanjuran kata, dalam gurau senda sudah tentu ada khilaf dan dosa.

Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin



PROGRAM KUTIP SAMPAH SAMBIL RIADAH (KUDAH) BIL.2/2022

Oleh : Pusat Kawalan SMART

Pada 27 Mei 2022, Aktiviti KUDAH dan gotong royong pada kali ini adalah bagi membersihkan dataran sungai di sekeliling kawasan Kolam Berembang, Pusat Kawalan SMART. Program ini telah dirasmikan oleh Tn. Ir. Ts Ahmad Shahrir Bin Mohd. Naziri, Pengarah Operasi SMART dan turut hadir Tn Hj. Mohd. Azmin bin Hussin, Pengarah JPS WPKL.

Seramai 6 orang dari Komuniti (Friends Of Sungai Ampang) dan 35 kakitangan JPS WPKL (termasuk SMART dan PLSK) telah menyertai aktiviti ini. Sebanyak 155.5kg sampah dan ranting-ranting telah berjaya dibersihkan.



KUNJUNGAN HORMAT KETUA POLIS DAERAH DANG WANGI KE JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR (JPS WPKL)

Oleh : Bahagian Korporat, Kualiti dan ICT

YDH ACP Noor Dellhan Bin Yahaya, Ketua Polis Daerah Dang Wangi bersama pegawai-pegawai kanan beliau telah mengadakan kunjungan hormat ke Jabatan Pengairan dan Saliran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JPS WPKL) pada 11hb Mei 2022 (Rabu).

Lawatan ini disambut mesra oleh Tuan Haji Mohd Azmin Bin Hussin, Pengarah JPS WP Kuala Lumpur bersama-sama Ketua-Ketua Bahagian JPS WP Kuala Lumpur. Tujuan Kunjungan Hormat tersebut adalah lebih kepada sesi suai kenal dan bagi membincangkan beberapa isu berkenaan banjir kilat yang berlaku sejak kebelakangan ini dalam kawasan Pentadbiran IPD Dang Wangi.

Dalam pertemuan tersebut, kedua-dua pihak membincangkan cara-cara untuk menangani isu-isu dan masalah banjir di kawasan tersebut dengan lebih efektif dan terperinci. Pertemuan berakhir dengan penyerahan cenderamata sebagai simbol bagi mengeratkan lagi hubungan kerjasama diantara keduanya.



BANJIR KILAT DI KUALA LUMPUR

Oleh : Bahagian Korporat, Kualiti dan ICT

PADA 7 APRIL, JAM 2.30 PETANG Temubual tersebut telah dikendalikan oleh moderator En. Asdazairi Daud, Penolong Pegawai Penerangan Jabatan Penerangan WPKLP. Dengan tajuk temubual Bajir Kilat : Bah Di Kuala Lumpur telah membincangkan scenario banjir kilat yang berlaku di bandaraya Kuala Lumpur serta langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak JPS dan DBKL dalam menangani isu banjir kilat.

INFLUENCER @JaPen

Banjir Kilat : Bah Di Kuala Lumpur

Panel
 Hj. Mohd. Azmin Hussin
 Pengarah
 Jabatan Pengairan dan Saliran
 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Panel
 Encik Mohd Lokman Mohd Lasim
 Timbalan Pengarah
 Jabatan Kejuruteraan Awam dan Saliran
 Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)

Moderator
 Encik Asdazairi Daud
 Penolong Pegawai Penerangan
 Jabatan Penerangan WPKLP

07 APRIL 2022 2.30 p.m. / Khamis

LIVE @Jabatan Penerangan WPKLP

Malaysia MENANG BERSAMA #KELUARGA MALAYSIA

Jabatan Penerangan WPKL @JaPenWPKL japenwpkl JABATAN PENERANGAN WPKL



SESI Q-TIME

TAKLIMAT PAPAN KAWALAN AIR DENILCO

Oleh : Bahagian Korporat, Kualiti dan ICT

Satu sesi Q-time telah diadakan pada 22 Jun 2022 di bilik mesyuarat utama, JPS WPKL. Sesi Q-Time pada kali ini bertajuk Papan Kawalan Air Denilco. Taklimat telah disampaikan oleh En. Rengaraj Thanasegarana dari Syarikat Mubibbah Tech Sdn. Bhd. Papan Kawalan Air Denilco ini bertujuan sebagai salah satu kaedah bagi melencongkan aliran air banjir.



LAWATAN TURUN PADANG (TUPA) OLEH KSU WPKP

Oleh : Bahagian Korporat, Kualiti dan ICT

Satu Lawatan Turun Padang (TUPA) oleh Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan ke Lokasi Projek River Of Life (ROL) telah diadakan pada 9 Jun 2022 bermula jam 10.00 pagi dan berakhir pada jam 12.30 tengahari. Lokasi yang telah dilawati adalah WWTP Pasar Pekan Ampang, 1K23 – Sungai Ampang, Jalan Kerja Ayer Lama dan Sungai Gombak berhampiran D'Tebing.

Lawatan ini juga turut dihadiri oleh Hj. Mohd Azmin Bin Hussin, Pengarah JPS WPKL, Bahagian Pengurusan Sungai dan Saliran JPS WPKL, Bahagian Pengurusan Lembangan Sungai JPS Malaysia, HPS Selangor dan agensi-agensi lain yang berkaitan seperti Jabatan Alam Sekitar (JAS), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ).



LATIHAN PENGGUNAAN PORTABLE WATER QUALITY (WQ) SENSOR

Oleh : Bahagian Hidrologi dan Sumber Air



21 Jun 2022 (Selasa) - Bahagian Sumber Air dan Hidrologi JPS WPKL telah menganjurkan latihan penggunaan 'Portable Water Quality (WQ) Sensor' bertempat di Pulau Kuala Seleh, Empangan Klang Gate. Latihan ini telah dirasmikan oleh Hj. Mohd Azmin bin Hussin, Pengarah JPS WPKL. Seramai 30 peserta terdiri daripada pegawai pegawai JPS WPKL telah menyertai latihan ini.

KUNJUNGAN DARIPADA DELEGASI DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR (DBKL)

Oleh : Pusat Kawalan SMART

Pada 5 Julai lalu, Pusat Kawalan SMART telah menerima kunjungan daripada delegasi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang diketuai oleh Ir. Mohd Azli Shah bin Ali Bashah dan delegasi Tokyo Metropolitan Government (TMG), Jepun yang diketuai oleh En Nakajima Takashi, Ketua Pengarah Biro Pembinaan. Kunjungan balas tersebut bertujuan memberikan pendedahan berkaitan operasi Pusat Kawalan SMART dalam mengurangkan risiko banjir yang dialami di Pusat Bandaraya Kuala Lumpur. Delegasi disertai seramai 8 orang pegawai dari pihak DBKL dan 11 orang pegawai dari TMG, Jepun.





Program Ibadah Korban KEJAPS 1434H/2022M

Oleh : Pejabat Lembangan Sungai Klang

Pada 12 Julai 2022, Program Ibadah Korban Kelab Sukan dan Kebajikan JPSWPKL (KEJAPS) 1434H/2022M anjuran bersama dengan Pejabat Lembangan Sungai Klang telah diadakan di Pejabat Lembangan Sungai Klang (PLKSK). Program Ibadah Korban pada kali ini dimulakan dengan Tazkirah Korban yang disampaikan oleh Ustaz Ahmad Husni. Sebanyak 2 ekor lembu telah dikorbankan pada aktiviti kali ini.

Turut serta dalam majlis ini Pengarah JPSWPKL, Pengarah BSAH, Pengarah Operasi SMART, dan seluruh keluarga KEJAPS. Semoga aktiviti kali ini dirahmati Allah SWT dan merapatkan ukhwah sesama kita



KEJOHANAN BOWLING

Oleh : Bahagian Korporat, Kualiti dan ICT

2 September 2022, JAM 3.00 petang Telah berlangsung Pertandingan Bowling Terbuka anjuran Kelab Sukan dan Kebajikan JPSWPKL 2022 (KEJAPS). TAHNIAH kepada Kumpulan Bahagian Khidmat Pengurusan kerana menjadi JUARA.

Program Ops Sepadu



Oleh : Bahagian Pengurusan Sungai dan Saliran

JPS WPKL telah menyertai Program Ops Sepadu bulan November yg dianjurkan oleh pihak JAS WPKL pada 10 September 2022 jam 12.00 tengah malam di Premis Sembelihan Ayam, Kg Cheras Baru.

Program ini turut disertai oleh lain-lain agensi seperti pihak polis IPD Cheras, SPAN, DBKL, Jabatan Imigresen dan Jabatan Kesihatan WPKL.

Semasa serbuan diadakan di salah satu premis telah mendapati air sisa aktiviti sembelihan ayam dibuang terus ke dalam longkang utama berdekatan. Dan seterusnya akan mengalir ke Sg Kerayong yang juga merupakan salah satu lembangan sungai di bawah program River of Life (ROL).

Tindakan Penahanan Operasi Kelengkapan (POK) diambil terhadap premis-premis ini bagi tujuan menghentikan serta-merta pelepasan efluen yang tidak terawat ke longkang awam daripada terus berlaku yang seterusnya mengakibatkan pencemaran sungai.



PROGRAM SAMBUTAN HARI SUNGAI SEDUNIA (HSS) 2022 PERINGKAT WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

Oleh : Bahagian Pengurusan Sungai Dan Saliran



15 September 2022, Program Sambutan Hari Sungai Sedunia (HSS) 2022 Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Sambutan Ulang Tahun ke 90 JPS Malaysia yang telah dirasmikan oleh Dato' Ir. Dr. Md Nasir Bin Md Noh, Ketua Pengarah JPS Malaysia bertempat di Kolam Takungan Banjir Batu, Pejabat Lembangan Sungai Klang, Kuala Lumpur. Sambutan tahun ini bertemakan 'Waterways in Our Communities' yang melibatkan lebih kurang 300 orang peserta. Antara aktiviti yang dijalankan ialah Senam Robik, Pertandingan Mewarna Kanak-Kanak, Acara Fun Run, Pelepasan Ikan, Penanaman Pokok, KUDAH & Pameran Teknikal. Ribuan terima kasih kepada semua warga JPS WPKL serta pihak Jabatan/Agensi/Kementerian dan pihak Vendor/Perunding yang telah terlibat untuk menjayakan program ini dan terima kasih juga kepada pihak-pihak lain yang turut serta di dalam program ini.

TAKLIMAT KESIAPSIAGAAN JPS DALAM MENGHADAPI MONSUN TIMUR LAUT 2022/2023

Oleh : Bahagian Korporat, Kualiti dan ICT

Satu Lawatan Turun Padang (TUPA) oleh YB Menteri Alam Sekitar dan Air pada 29 September 2022, yang telah diadakan di Pejabat Lembaga Sungai Klang (PLSK), JPSWPKL. Lawatan ini bertujuan untuk melihat kesiapsiagaan JPS dalam menghadapi Monsun Timur Laut 2022/2023.

Tinjauan kesiapsiagaan ini turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang, KSU Alam Sekitar dan Air, Dato' Ir. Dr. Md. Nasir bin Md. Noh, Ketua Pengarah JPS, dan Tuan Hj. Mohd Azmin Bin Hussin, Pengarah JPS WPKL.





LAWATAN KERJA KETUA PENGARAH JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN (JPS) MALAYSIA KE EMPANGAN BATU DAN KLANG GATES

Oleh : Bahagian Korporat, Kualiti dan ICT



27 Oktober 2022, YBhg. Dato' Ir. Dr. Md. Nasir bin Md. Noh, Ketua Pengarah JPS Malaysia telah mengadakan lawatan kerja ke Empangan Batu dan Klang Gate sebagai persiapan menghadapi Monsun Timur Laut (MTL) serta memastikan operasi empangan berfungsi dengan baik. Turut hadir bersama En. Mohd. Azmin bin Hussin Pengarah JPS Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Ir. Hj. Md. Khuzai bin Hussain, Pengarah Bahagian Rekabentuk dan Empangan, Ir. Ts. Ahmad Shahrir bin Md. Naziri, Pengarah Operasi Pusat Kawalan SMART, Tuan Hj. Zul bin Mohammad, Pengarah Operasi Pejabat Lembangan Sungai Klang dan pegawai-pegawai daripada JPS Bahagian. JPS Malaysia sentiasa komited dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat.



KURSUS PENGENALAN SISTEM WEB KAMERA UNTUK PEMANTAUAN BANJIR JPS WPKL

Oleh : Bahagian Hidrologi dan Sumber Air

Khamis, 27 Oktober 2020 telah berlangsungnya Kursus Pengenalan Sistem Web Kamera Untuk Pemantauan Banjir JPSWPKL yang diadakan di Mardhiyyah Hotel & Suites Shah Alam Selangor.

Kursus ini bertujuan bagi memberi pendedahan kepada kakitangan dan pegawai operasi banjir terhadap sistem yang digunakan bagi pemantauan banjir di JPS WPKL selain memberi pendedahan tentang sistem web kamera dan tatacara untuk penyelenggaraan dan troubleshoot.



HARI SUKAN NEGARA 2022 PERINGKAT JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN MALAYSIA

Oleh : Bahagian Korporat, Kualiti dan ICT

Tahniah dan terima kasih kepada warga JPS yang telah hadir ke Hari Sukan Negara 2022 Peringkat Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia di JPS Ampang pada hari Sabtu, 8 Oktober 2022. YBhg. Dato' Ir. Dr. Md Nasir Bin Md. Noh, Ketua Pengarah JPS Malaysia telah hadir bagi memyempurnakan majlis tersebut.

Hari Sukan Negara (HSN) telah diisytiharkan pada setiap hari Sabtu minggu kedua bulan Oktober setiap tahun. Sambutan HSN ini merupakan suatu inisiatif Kementerian Belia dan Sukan di mana ia adalah satu langkah pro aktif di dalam proses transformasi ke arah mencapai hasrat menjadikan negara Malaysia sebagai sebuah negara bersukan.

JPS juga tidak ketinggalan untuk menyambut HSN ini. Pada hari tersebut, pelbagai aktiviti sukan telah diadakan seperti senamrobik, pertandingan badminton, bola tampar dan pertandingan futsal serta sukaneka untuk kanak-kanak.



PROGRAM KUTIP SAMPAH SAMBIL RIADAH Bil.6/2022

Oleh : Bahagian Pengurusan Banjir

26 Ogos 2022, Program Kudah Bil.6/2022 telah dijalankan berserta dengan aktiviti gotong-royong membersihkan kawasan Kolam Takungan Banjir Nanyang.

Program Kudah kali ini melibatkan pegawai dan kakitangan JPS Kuala Lumpur termasuk Pusat Kawalan SMART dan Pejabat Lembaga Sungai Klang. sebanyak 191.4kg sampah telah berjaya dikumpulkan dan dibersihkan.




PROGRAM KUTIP SAMPAH SAMBIL RIADAH BIL.7/2022

Oleh : Bahagian Korporat, Kualiti dan ICT

21 Oktober 2022, Program KUDAH Bil. 7/2022 telah berlangsung dengan jayanya dengan penglibatan oleh pegawai dan kakitangan JPS WPKL, Pusat Kawalan SMART, Pejabat Lembaga Sungai Klang dan Pusat Serantau Tropika Lembap (HTC). Aktiviti yang dijalankan adalah gotong-royong membersihkan Kolam Takungan Banjir Boyan. Sebanyak 66kg sampah telah berjaya dikumpulkan dan dibersihkan pada hari tersebut.





16 November 2022, sesi rakaman temubual Tuan Pengarah JPS WPKL bersama Jabatan Penerangan WPKL menerangkan persiapan JPS WPKL menghadapi Monsun Timur Laut

Oleh : Bahagian Hidrologi dan Sumber Air



LAWATAN YB MENTERI KE PUSAT KAWALAN SMART

Oleh : Pusat Kawalan SMART



Pada 10 Disember 2022, YB Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, YB Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad telah mengadakan tinjauan ke Pusat Kawalan SMART JPS Malaysia bagi melihat kesiapsiagaan JPS menghadapi bencana banjir. Turut hadir YBhg. Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang, Ketua Pengarah JPS, Ketua Pengarah Met Malaysia, pegawai kanan Kementerian dan JPS.



Tinjauan ini bertujuan untuk melihat sendiri operasi Pusat Kawalan SMART mengurus dan melencongkan air banjir bagi mengurangkan kejadian banjir di Pusat Bandaraya Kuala Lumpur terutama sekali di kawasan Stesen LRT Masjid Jamek, Jalan Tun Perak, Lebu Ampang dan Lebu Pasar.



Selain itu, Ketua Pengarah JPS, Dato' Ir. Dr. Md. Nasir bin Md. Noh juga telah memberi taklimat berkenaan kesiapsiagaan JPS menghadapi bencana banjir khususnya semasa musim Monsun Timur Laut (MTL) yang sedang berlaku iaitu bermula dari bulan November sehingga Mac.





Program Simulasi Banjir Peringkat WPKL

Oleh : Bahagian Hidrologi dan Sumber Air



10 Disember 2022, Sabtu 10.00 pagi, Satu Program Simulasi Banjir Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah diadakan di Kg Periuk, Kg Baru

Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Rosida Jaafar** berkata pihaknya dalam usaha meningkatkan kesiapsiagaan menghadapi bencana terutamanya banjir ekoran situasi yang semakin meruncing terutamanya dari segi skala dan kekerapan belakunya bencana termasuk di Wilayah Persekutuan.

“Tujuan program simulasi yang dilaksanakan pula adalah untuk meningkatkan tahap kefahaman, kepakaran dan keupayaan setiap agensi kerajaan terhadap peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam aspek pengurusan bencana merangkumi elemen sebelum, semasa dan selepas bencana.

“Ini termasuklah ilmu pengetahuan dan latihan yang mencukupi supaya pasukan penyelamat dapat mengatur gerak kerja semasa berlaku bencana seperti banjir kilat, tanah runtuh, kebakaran dan apa jua bencana lain yang mengugat keamanan dan keselamatan warga Wilayah Persekutuan dengan lebih berkesan,” katanya kepada pemberita selepas Program Simulasi Banjir, Majlis Keselamatan Negara Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Program Simulasi Banjir ini melibatkan penyertaan seramai 350 orang peserta daripada 23 buah agensi kerajaan, swasta dan badan bukan kerajaan dan melibatkan tiga lokasi iaitu Kampung Periuk, Sekolah Menengah Kebangsaan Puteri Wilayah dan Dewan Sultan Sulaiman di Kampung Baru.



KUTIP SAMPAH SAMBIL RIADAH (KUDAH)

Oleh : : Bahagian Korporat, Kualiti dan ICT



Pada tahun 2022, JPS WPKL telah Berjaya menganjurkan 8 program Kutip Sampah Sambil Riadah (KUDAH) di sungai dan kolam takungan banjir di bawah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Sepanjang program ini dijalankan, Pengarah Bersama warga JPS WPKL telah memberi komitmen yang tinggi bagi memastikan kejayaan pelaksanaan program ini. Program ini turut melibatkan komuniti setempat, persatuan penduduk dan pelajar.

Objektif utama adalah untuk memberi kesedaran kepada orang awam terhadap pentingnya menjaga alam sekitar disamping beriadah. Adalah diharapkan agar program ini diteruskan pada masa hadapan.

BILANGAN PROGRAM	LOKASI	URUSETIA	BERAT SAMPAH (KG)
1	Dataran Sg. Penchala, Taman Tun Dr. Ismail	BPSS	142 KG
2	Dataran Sg. Midah, Bukit Jalil, Kuala Lumpur	BPER	174KG
3	Kolam Takungan Berembang	SMART	155.5KG
4	Kolam Takungan Banjir Sg. Midah	BPEM	150KG
5	Kolam Takungan Banjir Sri Johor	BME	87.5KG
6	Kolam Takungan Banjir Batu 4 ^{1/2}	BKP	180 KG
7	Kolam Takungan Boyan	BKOR	66KG
8	Kolam Takungan Banjir Nanyang	BPB	191.4KG